



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN KEBANGSAAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA 2023

13 September 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menganjurkan Persidangan Kebangsaan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara bermula 11 hingga 13 September 2023 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM.

Persidangan ini dengan tema “Kelestarian Warisan Kebudayaan Tidak Ketara” menampilkan tiga topik utama, iaitu “Inventori berasaskan Komuniti”, “Warisan Kebudayaan Tidak Ketara dan Komuniti” dan “Warisan Kebudayaan Tidak Ketara yang Hampir Pupus”.

Persidangan ini telah menghimpunkan 25 orang panel bersama empat (4) orang moderator yang terdiri daripada barisan ilmuwan, pakar, wakil komuniti dan penggiat dalam bidang Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (WKTK) untuk mengadakan pembentangan, berdiskusi serta berkongsi idea supaya dapat mewujudkan garis panduan amalan terbaik dan rekomendasi perlindungan yang bersesuaian.

Kertas pembentangan ini akan didokumentasikan dalam bentuk penerbitan prosiding.

Hal ini bertepatan dengan peranan Malaysia yang telah berjaya menduduki kerusi UNESCO *Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* (IGC ICH) untuk sesi 2022 hingga 2026.

Kejayaan persidangan ini akan membuktikan bahawa kerajaan sentiasa komited untuk terus melindungi amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan dan kemahiran WKTK sesuatu komuniti atau kumpulan masyarakat di Malaysia. Perkara ini secara tidak langsung akan menonjolkan lagi visibiliti Malaysia di peringkat dalam dan luar negara.

Menteri MOTAC, YB Dato Sri Tiong King Sing menyaran MOTAC, JWN dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), selain melaksanakan program seperti persidangan ini, pembangunan, penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan hasil kajian yang berkaitan WKTK yang terdapat di Malaysia, juga mengambil tindakan yang lebih berstrategik dan efektif, **mencungkil objek-objek WKTK, Seni dan Budaya yang baharu, khasnya objek-objek yang hampir pupus**. Bersama-sama mewujudkan suatu pelan yang merangkumi pencungkilan, perlindungan, pembangunan dan promosi, bagi memastikan objek-objek ini dapat dilindungi dan kekal terpelihara, tidak akan pupus ditelan zaman.

Menteri juga menyarankan MOTAC melalui JWN dan JKKN mengintegrasikan dan mendigitalkan semua objek-objek WKTK, Seni dan Budaya negara kita di satu galeri khas atau ‘Perkampungan Seni, Budaya dan Warisan Malaysia’, menjadikannya salah satu produk dan destinasi baharu pelancongan kebudayaan kepada pelancong asing.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac